Rasa kebanggaan sesuatu bangsa dan imej baik negara dapat dilihat...

Persyarikatan Malaysia dan unsur2 nasionalisme

"PADA saya Konsep Persyarikatan Malaysia yang dibawa oleh Datuk Seri Dr. Mahathir memang mempunyai unsur-unsur nasionalisme dalam pengertian yang umum dan luas kerana di sebalik niat dan tujuannya, supaya melalui perlaksanaan konsep ini negara kita akan lebih pesat membangun bagi mencapai kemakmuran yang tinggi, ia berupa satu aspirasi yang tersendiri yang diasaskan pada pemikiran bahawa rasa kebanggaan sesuatu bangsa dan imej baik sesuatu negara itu akan jelas dapat dilihat dan dirasai jika sekiranya sesebuah negara itu maju dan makmur,' demikian yang diucapkan oleh Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi, dalam satu wawancara khas dengan DIALOG BUDAYA.

● *SOAL: Bolehkah ini dianggap sebagai patriotisme ekonomi?*

● JAWAB: Setahu saya Dr. Mahathir tidak pernah menggunakan istilah atau slogan patriotisme ekonomi ada perkaitan dengan konsep Persyarikatan Malaysia ini. Bagaimanapun kalau kita hendak mentafsirkannya, ada terdapat unsur-unsur patriotisme ekonomi. Itu mungkin boleh diterima dan ada kebenarannya. Sesungguhnya konsep itu hendak dilaksanakan dengan tujuan bagi mencapai kemakmuran negara kita pada tahap yang lebih baik dan lebih tinggi, yang dapat membanggakan kita semua. Konsep ini juga pada perlaksanaannya nanti akan melahirkan kerjasama antara pihak swasta dengan kerajaan Malaysia.

Jadi, ini adalah suatu persyarikatan atau kerjasama dua golongan Malaysia iaitu golongan kerajaan dan golongan swasta. Mungkin juga terdapat nanti unsur-unsur usahasama dengan pihak syarikat luar negeri. Kalaupun itu ada nanti saya percaya kepentingan Malaysia adalah pada tahap yang utama dan majoriti. Pada keseluruhannya konsep ini boleh juga ditafsirkan sebagai satu usaha kebangsaan (national effort) atau boleh juga kita katakan sebagai gerakan kebangsaan yang menggembelingkan seluruh tenaga rakyat kerana rakyat kita boleh dibahagi dua iaitu dalam kerajaan dan di luar kerajaan (swasta). Ini berupa suatu gerakan untuk menggembelingkan tenaga dan sumber yang ada itu ke arah pencapaian kemakmuran dan pembangunan yang lebih baik.

● *SOAL: Bagaimana konsep ini dapat dimanfaat oleh seluruh rakyat, maksudnya tidak hanya golongan swasta saja yang terlibat?*

● JAWAB: Ini harus difahami betul-betul supaya tidak bercanggah antara konsep Persyarikatan Malaysia dengan dasar menswastakan fungsi-fungsi kerajaan. Konsep ini tidak bermaksud begitu bukanlah berupa satu konsep yang hanya khusus untuk peranan dan kepentingan golongan tertentu, yang berada dan terbesar. Sebenarnya dari segi perlaksanaan dan kesan, konsep ini akan memberi faedah kepada semua rakyat. Kita tahu bahawasanya peranan itu memberikan mereka dari peringkat atas hingga ke peringkat bawah. Dan kerjasama yang akan diberikan oleh kerajaan kepada pihak swasta bukan semestinya kepada pihak yang terbesar di negara ini tetapi juga kepada syarikat-syarikat yang kecil, bahkan syarikat swasta yang kecil sekalipun ada peranannya.

Penting

Kita tahu dalam senario kegiatan ekonomi semua syarikat ada tempatnya. Kalau pun dia tidak ada hubungan yang langsung dari segi konsep dengan kerajaan tetapi syarikat-syarikat itu sendiri tetap ada hubungan dan sumbangan terhadap kemajuan negara. Yang penting bukan besar atau kecilnya sesebuah syarikat itu — yang penting semuanya berfungsi dalam suasana kemakmuran. Bila suasana itu makmur dan maju, kita tahu pihak pengguna adalah pengguna yang berkemampuan, maka dengan itu tentulah pembekal akan turut menikmati kemakmuran itu apabila memberi bekalan khidmat yang diperlukan. Yang berbeza sebenarnya bentuk nikmat yang dirasa itu saja.

● *SOAL: Apakah kita dapat mendaya-gunakan sektor ekonomi untuk membangkitkan nasionalisme dan patriotisme rakyat?*

● JAWAB: Saya tidak setuju kalau sektor ekonomi itu dilihat sebagai suatu unsur kebendaan. Bagi saya faktor ekonomi itu berupa penyumbang yang ulung ke arah kemakmuran dan kesejahteraan hidup. Buktibukti boleh dilihat dengan jelas. Hanya dalam negara yang terdapat kemakmuran saja rakyat dapat hidup dalam keadaan yang senang. Umumnya dalam mana-mana negara sekalipun ada golongan yang miskin. Tetapi bagi negara yang makmur, kemiskinan tidaklah berada pada tingkat yang terlalu rendah dan menderita. Majoriti rakyat hidup dalam keadaan yang baik. Kalaulah faktor ekonomi itu dianggap sebagai suatu yang tidak penting untuk kebajikan rakyat, maka agama Islam sendiri tentu tidak akan menggalakkan kegiatan ekonomi. Hanya dengan ekonomi yang subur kita dapat melakukan tuntutan agama seperti membayar zakat dengan sempurna dan boleh membuat amal jariah. Maka untuk mencapai taraf ekonomi yang baik ia memerlukan satu perancangan kerajaan melalui berbagai sistem cukai yang dapat mengagihkan segala nikmatnya untuk kebajikan rakyat.

● *SOAL: Kerajaan mahu meningkat dan menggalakkan rakyat menggunakan barang keluaran dalam negeri. Ini tidak mampu dilakukan jika sikap nasionalisme dan patriotisme rakyat tidak ditingkat supaya boleh menghargai dan menggunakan barang keluaran negaranya sendiri?*

● JAWAB: Sebenarnya dalam kehidupan sehari-hari kita mempunyai status sebagai pengguna. Sebagai pengguna kita memerlukan barang-barang yang dapat memberikan kepuasan — ada nilai dan harga kepada pengguna, memeningkan mutu khidmat dan mutu hasil yang boleh didapati. Biasanya mereka tidak memeningkan dari mana barang itu datang. Kita pernah mengalami satu situasi di mana barang-barang Jepun pada masa dulu begitu banyak membanjiri pasaran barangan di negara kita dengan harga yang murah. Barang-barang yang murah ini dianggap bermutu rendah jika dibandingkan dengan barang-barang dari England yang harganya mahal tetapi telah dianggap bermutu. Jadi sebagai pengguna kita mempunyai pilihan. Kita bukan pilih kasih dan lebih sayang pada Jepun atau British. Kedua-duanya adalah bekas penjajah negara kita.

Tetapi, sebagai pengguna kita melihat barang yang hendak dibeli dan mempastikan duit yang kita keluarkan itu dapat membeli barang yang baik dan memuaskan hati. Pada waktu itu kita tidak puas hati dengan barang-barang Jepun. Tetapi pada hari ini setelah terbukti mutu barang keluaran Jepun lebih baik, maka kita tidak teragak-agak menggunakan barang keluaran Jepun itu. Dan pada saya kalaupun kita juga dapat mengeluarkan barang bermutu, maka kita juga dapat menguasai kehendak pengguna. Orang yang gemar menggunakan barang-barang yang berlabel untuk status tidak ramai. Sekarang ini kita telah mulai memiliki barang-barang buatan sendiri yang baik. Jika ini berlanjutan maka sudah pasti kita akan berminat menggunakan barang keluaran sendiri.

● *SOAL: Dengan dasar pasaran terbuka barang keluaran kita terpaksa bersaing dengan barang-barang import?*

● JAWAB: Kita tidak boleh lari dari persaingan. Persaingan ini baik. Kalau tidak ada persaingan pihak pengeluar akan bersikap "lebih kurang" dan barang-barang yang dikeluarkan tidak bermutu. Persaingan boleh menentukan hidup atau mati sesuatu perusahaan. Saya pasti setiap mereka akan berusaha meningkatkan mutu keluarannya jika ada persaingan. Persaingan dari luar negeri tidak menjejaskan kerana kita memberi bantuan dan perlindungan pada barang keluaran dalam negeri. Kita mengenakan cukai yang tinggi pada barang-barang import. Jadi harganya tentulah mahal. Ini satu 'advantage' kepada barang-barang tempatan. Tetapi kalau barang yang mahal itu dapat menjamin mutu yang tinggi dan rakyat sebagai pengguna memilihnya, maka ini satu cabaran yang mesti dihadapi oleh pengeluar tempatan. Mereka harus bersaing bagi membuktikan barang keluaran tempatan lebih baik dari barang import. Tetapi pada hari ini setelah terbukti mutu barang keluaran Jepun lebih baik, maka kita tidak teragak-agak menggunakan barang keluaran Jepun itu. Dan pada saya kalaupun kita juga dapat mengeluarkan barang bermutu, maka kita juga dapat menguasai kehendak pengguna. Orang yang gemar menggunakan barang-barang yang berlabel untuk status tidak ramai. Sekarang ini kita telah mulai memiliki barang-barang buatan sendiri yang baik. Jika ini berlanjutan maka sudah pasti kita akan berminat menggunakan barang keluaran sendiri.

● *SOAL: Dengan segala macam dasar dan gagasan-gagasan yang kerajaan buat sekarang, ada kalangan curiga dan mempertikaikannya, mengatakan negara kita akan menuju ke arah 'economic animal'?*

● JAWAB: Kenapa ada orang beranggapan begitu? Memang orang boleh nak kata apapun. Tetapi apakah kalau kita jadi maju maka kita boleh dilihat sebagai tidak baik? Kata 'economic animal' itu memberi suatu konotasi atau satu gambaran yang tidak baik. Adalah lebih baik kita jangan terlalu terbawa-bawa atau dimomokkan dengan kata-kata seperti itu yang boleh menakutkan kita untuk mencapai kemajuan. Kemajuan mesti dikejar. Hanya yang penting untuk apa dan bagaimana kita menggunakan hasil kemajuan itu?

● DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI

Dialog Budaya

Oleh — **M. HANAFIAH A. SAMAD**



● BEKERJA penuh disiplin akan melahirkan hasil yang lebih baik.

Amal

Kalau orang jadi kaya atau betul-betul kaya — itu bukan satu jenayah. Jika kekayaan tersebut boleh digunakan sebagai suatu sumbangan sama ada sebagai ibadah kepada Tuhan — sumbangan kepada agama atau sumbangan kepada negara. Kita boleh lihat macam mana orang yang menjadi jutawan di dunia, mereka menubuhkan berbagai-bagai yayasan dengan memperuntukkan wang yang banyak bagi memberi sumbangan kebajikan. Tetapi kalau kita miskin macam mana kita hendak membuat kebajikan atau mahu melakukan amal jariah?

● *SOAL: Kita dalam perjuangan mengisi kemerdekaan sekarang. Tetapi ada golongan yang tidak senang, usaha membangun dan memajukan Bumiputera sekarang lebih dikatakan hanya boleh dilakukan dan mengutamakan 'political will'?*

● JAWAB: Politik itu kuasa. Kuasa yang ada pada kerajaan semestinya digunakan dengan baik untuk mencapai sesuatu. Bagi saya kita mesti ada kesungguhan politik. Tidak ada suatu apapun boleh dicapai tanpa kesungguhan itu. Tetapi 'political will' itu janganlah dilihat sebagai terhad dalam konteks hendak memberi bantuan atau pertolongan kepada Bumiputera. Bantuan kepada Bumiputera memang sudah semestinya diberi oleh kerajaan. Ini adalah tanggungjawab dan prioriti yang tak perlu dipertikai. Bagaimanapun, tanggungjawab kerajaan adalah menyeluruh untuk kepentingan seluruh rakyat dan negara sebagai pihak yang memerintah dan mentadbirkan negara.

● *SOAL: Masalah menggunakan 'political will' juga dikatakan sebagai orang Melayu hendak mempertahan hak-nya dalam perlaksanaan Kebudayaan Kebangsaan?*

● JAWAB: Yang dikatakan kebudayaan itu adalah satu cara hidup atau sistem nilai yang dianuti oleh semua penduduk yang tinggal di negara ini. Inilah yang menjadi asas dalam pembinaan Kebudayaan Kebangsaan. Kita rakyat Malaysia dalam banyak hal mempunyai cara hidup dan nilai-nilai hidup yang sama. Bila dikatakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu bertentangan kebudayaan rakyat asal rantau ini iaitu orang Melayu, maka itu bukan bermaksud orang Melayu hendak mempertahan haknya. Ia mesti dilihat dari segi lojiknya. Teras Kebudayaan Kebangsaan itu mesti dipertahan, iaitu unsur-unsur yang 'relevant' dengan kehidupan dalam alam kehidupan negara ini. Dan alam kehidupan di Malaysia adalah alam semula jadi rakyat rantau ini. Ini realiti yang mesti diterima. Negara Malaysia tetap sebagai negara Malaysia. Sejarah negeri China mengisahkan ia diserang oleh orang Tatar, tapi negeri China tetap utuh dengan kebudayaan Chinanya sendiri. Begitu juga India, berapa kali ia dilanggar oleh kuasa luar ia tetap dengan sistem budaya Indianya. Dan demikian juga negara kita Malaysia. Berapa kali Malaysia dijajah sejak zaman Seri Vijaya yang kuat dengan pengaruh Hindu. Tetapi kebudayaan rakyat rantau ini tetap kekal. Ini bukan soal orang Melayu hendak mempertahankan hak tetapi lojiknya begitu.

● *SOAL: Dalam usaha membangunkan bangsa kenapa mesti mengamalkan konsep Pandang Ke Timur dengan mencontohi Jepun dan Korea? Sedangkan ciri-ciri budaya mereka itu sebenarnya telah ada pada tradisi budaya warisan nenek moyang kita, seperti semangat dan kesungguhan bekerja, konsep gotong-royong dan sebagainya. Bukankah lebih baik kalau kita meningkatkan saja budaya yang ada pada bangsa kita sendiri?*

● JAWAB: Tidak ada siapa yang boleh menolak hakikat bangsa kita mempunyai kekuatan semangat dan kesungguhan bekerja. Nabaha kita subuh-subuh lagi sudah mengharung laut. Petani kita sanggup meredah hutan untuk berladang. Tetapi apa yang harus kita fahami, selain bekerja kuat kita perlu mengirakan juga hasilnya. Jadi yang dipersoalkan ialah bagaimana cara kita bekerja. Kalau cara dan sikap kita terhadap kerja betul tentulah kita mendapat hasil yang lebih baik. Inilah yang hendak kita capai. Sebab itu Dr. Mahathir begitu sungguh-sungguh menghendaki kita memunyai sistem, disiplin dan etika bekerja itu disekaligus dengan semangat kesungguhan bekerja bagi meningkatkan daya pengeluaran yang berkualiti.

Semangat

● *SOAL: Beberapa hari lagi kita akan merayakan Hari Kemerdekaan negara. Apa yang Datuk rasakan?*

● JAWAB: Nampaknya Hari Kebangsaan tahun ini cukup menarik dan membawa tema yang lain dari lazimnya iaitu Persyarikatan Malaysia. Ini bukan satu tema yang materialistik. Oleh kerana Hari Kemerdekaan itu adalah merupakan hari bagi rakyat memangkitkan dan mengukuhkan semangat dan tekad membangunkan dan mempertahankan negara, maka tema ini sendiri mempunyai unsur-unsur nasionalisme dan patriotismenya. Ia memberikan suatu pengertian kesatuan dan perpaduan bagi mewujudkan kerjasama melalui konsep persyarikatan itu. Dengan konsep yang ada pada tema ini sudah tentu kita dapat menanam rasa kecintaan dan sikap kekitaan di jiwa rakyat agar sebagai rakyat Malaysia kita sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia